



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (2) November 2024 (075-089)

Bahasa Singkatan dalam Komunikasi di Media Sosial dalam Kalangan Generasi Z

¹M. S. Nik Puteri Fatin Nor'ain & ²Maslida Yusof

a187172@siswa.ukm.edu.my & maslida@ukm.edu.my

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Selangor, Malaysia.*

Tarikh terima : 30 September 2024
Received
 Terima untuk diterbitkan : 21 November 2024
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2024
Published online

Abstrak

Kemunculan Generasi Z atau iGeneration telah membawa satu anjakan paradigma baharu dalam arena Linguistik Melayu khususnya dalam aspek bahasa singkatan. Sifat bahasa Melayu yang dinamik telah mengubah bentuk bahasa Melayu seiring dengan kemunculan media sosial. Bahasa singkatan merupakan perubahan bahasa Melayu yang sedang aktif dalam kalangan pengguna Generasi Z di komunikasi digital. Sehubungan dengan itu, makalah ini memfokuskan kepada fenomena linguistik yang menjadi pilar pembentukan penggunaan bahasa singkatan di WhatsApp. Objektif kajian adalah mengenal pasti kepelbagaian bentuk singkatan dan membincangkan fenomena linguistik yang terdapat dalam teks perbualan WhatsApp. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kualitatif dan memanfaatkan pengkategorian bahasa singkatan oleh Supyah Hussin (2005) melalui kaedah analisis kandungan terhadap teks perbualan WhatsApp. Hasil kajian mendapati berlakunya pembentukan bahasa singkatan yang baharu dalam generasi Z seperti singkatan penggabungan kata, singkatan kliping, singkatan simbol/lambang huruf dan singkatan penggandaan. Walaupun wujud penciptaan istilah singkatan yang baru namun pengguna generasi Z didapati masih lagi menggunakan bentuk singkatan daripada pengkategorian Supyan Hussin (2005) iaitu singkatan lazim, singkatan pengguguran vokal atau konsonan dan singkatan lazim kolokial. Pembentukan sedemikian menggambarkan bahawa remaja kini sedang giat berkreaitif dengan bahasa yang secara langsung membawa kepada fenomena linguistik yang ketara.

Kata Kunci: Bahasa Singkatan, Generasi Z, Komunikasi, Sociolinguistik, WhatsApp

Abbreviations in Social Media Communication Among Generation Z

Abstract

The emergence of Generation Z or iGeneration has introduced a new paradigm shift in the realm of Malay linguistics. The dynamic nature of the Malay language has transformed its structure in tandem with the rise of social media. Abbreviations have become an active linguistic change among Generation Z users in digital communication. Accordingly, this paper focuses on the linguistic phenomenon that underpins the formation of abbreviation usage on WhatsApp. The study aims to identify the variety of abbreviations and discuss the linguistic phenomena present in WhatsApp conversation texts. The research, which utilizes Supyan Hussin's (2005) categorization of abbreviations, adopts a qualitative research design through content analysis of WhatsApp conversation texts. The findings reveal the creation of new abbreviations within Generation Z, such as word-blending abbreviations, clipping abbreviations, symbol/letter abbreviations, and reduplication abbreviations. Although new abbreviated terms have emerged, Generation Z users are still found to use abbreviation forms from

Supyan Hussin's (2005) categorization, namely common abbreviations, vowel or consonant omissions, and colloquial abbreviations. Such formations illustrate that today's youth are actively engaging in linguistic creativity, which directly contributes to a noticeable linguistic phenomenon.

Keywords: Abbreviations, Generation Z, Communication, Sociolinguistics, WhatsApp

1. Pengenalan

Media sosial telah menjadi platform penting untuk berinteraksi melalui bahasa sebagai medium utama dalam menyampaikan maklumat. Hal ini kerana perkembangan teknologi telah membawa kepada pelbagai kemunculan aplikasi seperti WhatsApp, yang menjadi pilihan utama pengguna media sosial dalam menghantar mesej berbanding dengan pesaing lain seperti Messenger, Telegram dan Instagram (Akhmarisha & Rusniyati, 2017). Perisian ini membolehkan pengguna berinteraksi secara langsung melalui mesej teks, panggilan suara, dan panggilan video tanpa mengira lokasi geografi. Penggunaan WhatsApp telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup harian masyarakat moden, memudahkan pertukaran maklumat serta menyediakan saluran komunikasi yang pantas dan berkesan (Azul & Ali 2019). Selain itu, WhatsApp juga memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa dengan mempengaruhi gaya penulisan, penggunaan singkatan, dan bahasa informal dalam komunikasi sehari-hari. Penggunaan platform ini juga mencerminkan bagaimana teknologi digital mempengaruhi cara generasi baru menggunakan bahasa dalam konteks sosial dan profesional

Sungguhpun begitu, penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi WhatsApp telah mencetuskan pelbagai fenomena yang janggal dalam bahasa sedia ada terutamanya dari aspek penggunaan bahasa singkatan. Keadaan ini berlaku kerana dalam komunikasi bentuk tulisan menuntut serba cepat untuk mengakses segala sesuatu termasuk dalam bahasa. Sehubungan dengan itu, fenomena bahasa singkatan atau pemendekan kata jelas ketara dalam perbualan teks WhatsApp, namun gejala ini bukan lagi sebuah bentuk baru dalam arena komunikasi. Supyan Hussin (2005) menyatakan bahawa bentuk singkatan kata telah lama menjadi korpus dalam bahasa SMS (Short Message Service). Oleh itu, singkatan adalah hasil pemendekan kata yang menjadi beberapa huruf berasaskan pengurangan atau penghilangan beberapa fonem, sebagai salah satu langkah pembentukan kata dalam bahasa Melayu (Azlina & Nurhasyinda, 2017). Menurut Rengganis dan Agus, (2019), pengguna media sosial memendekkan kata semasa berkomunikasi dengan tujuan menjimatkan masa untuk menaip di samping ruang yang terhad seperti dalam Twitter. Meskipun, budaya singkatan lazim digunakan dalam media sosial, namun pembaca masih lagi memahami makna yang ingin disampaikan. Secara tidak langsung, budaya ini mencerminkan kreativiti penggunaan bahasa dalam konteks teknologi walaupun masih menimbulkan cabaran terhadap pemeliharaan bahasa standard.

Lebih menarik, kemunculan generasi Z sebagai pengguna media sosial telah menghasilkan budaya singkatan yang baru terutamanya dalam teks perbualan WhatsApp. Gen Z ditakrifkan sebagai generasi yang lahir pada 1998 hingga 2009 secara langsung dilihat sebagai generasi teknologi yang mula didedahkan dengan internet dan web walhal masih belum mula bercakap lagi (Azlina & Nurhasyinda, 2017). Dalam erti kata lain, gen Z membesar dalam dunia teknologi yang sedang berkembang pesat kini. Oleh itu, penggunaan gen Z dalam komunikasi digital terutamanya aplikasi WhatsApp telah mengubah landskap media sosial walaupun bahasa yang digunakan oleh Gen Z kini dilihat merendahkan taraf bahasa melalui singkatan yang tidak lazim dituturkan dan sukar difahami (Azlina & Nurhasyinda, 2017). Perkara ini perlu diberi perhatian kerana penggunaan bahasa singkatan yang bebas dan tanpa kawalan dapat menjejaskan bahasa ibunda yang semakin kurang digunakan dalam penggunaan mereka seharian.

1.1 Permasalahan Kajian

Penggunaan bahasa singkatan di platform WhatsApp telah menarik perhatian ramai pengkaji bahasa. Namun, kebanyakan kajian terdahulu seperti Supyan Hussin (2005) lebih memfokuskan kepada singkatan dalam SMS yang menghadapi kekangan dari aspek relevansi. Komunikasi melalui SMS telah berkurangan secara drastik dengan kemunculan pelbagai platform media seperti WhatsApp, Instagram, Twitter dan Facebook. Fokus yang terlalu sempit pada SMS dalam kajian Supyan Hussin (2005)

menjadikan dapatan kajian tersebut tidak lagi menggambarkan realiti penggunaan bahasa singkatan masa kini, terutamanya dalam konteks generasi Z yang dikenali sebagai generasi digital. Generasi ini membesar bersama akses mudah kepada internet di samping teknologi komunikasi yang lebih maju, secara tidak langsung mempengaruhi cara berkomunikasi termasuk penggunaan singkatan yang bervariasi dan lebih kreatif.

Selain itu, evolusi bahasa singkatan dalam platform WhatsApp tidak hanya terhad kepada pemendekan kata sebaliknya turut melibatkan simbol, emoji dan gabungan kata yang kompleks serta mencerminkan ciri linguistik terbaru dalam teknologi moden. Kajian Noor Akhmarisha dan Rusniyati (2017) turut memfokuskan kepada bahasa singkatan dalam kalangan pelajar IPTS namun elemen-elemen ini tidak dijelaskan secara mendalam sedangkan unsur-unsur ini memberikan dimensi baru kepada bahasa yang kurang diberi perhatian oleh pengkaji kini. Hal ini signifikan kerana elemen-elemen ini secara tidak langsung mempengaruhi struktur linguistik serta komunikasi gen Z. Tambahan pula, modenisasi bahasa dalam kalangan generasi Z masih kurang dibincangkan khususnya bentuk singkatan dalam konteks komunikasi harian di platform media sosial terutamanya WhatsApp. Justeru, kajian ini akan memberi tumpuan kepada aspek-aspek linguistik yang tidak diterokai pengkaji terdahulu sekaligus memperlihatkan kreativiti gen Z dalam perkembangan bahasa era digital.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian dilaksanakan bagi menjelaskan persoalan bagaimanakah perkembangan pembentukan bahasa singkatan di WhatsApp yang digunakan oleh Generasi Z. Secara khusus, kajian ini mempunyai dua objektif iaitu;

- i. Menenal pasti jenis-jenis bentuk singkatan yang digunakan oleh Generasi Z dalam perbualan WhatsApp.
- ii. Membincangkan ciri-ciri umum fenomena linguistik bahasa singkatan dalam konteks perbualan WhatsApp.

2. Sorotan Literatur

Kajian bahasa singkatan dalam komunikasi di media sosial telah banyak dilakukan dalam pelbagai konteks terutamanya melibatkan generasi Z sebagai sampel kajian. Sabrina dan Yermia (2024) mendapati tiga bentuk singkatan utama dalam bahasa gaul generasi Z di platform X iaitu kependekan kata, akronim dan penggalan. Kajian ini membuktikan bahawa generasi Z cenderung menggunakan kata ringkas untuk memudahkan komunikasi di platform yang mempunyai batas karakter sekaligus mencerminkan perkembangan teknologi yang mempengaruhi corak bahasa mereka sebagai 'digital natives.'

Kajian ini secara tidak langsung, selari dengan hasil penelitian Supyan Hussin (2005) yang membahagikan singkatan dalam SMS kepada tiga kategori iaitu singkatan lazim, singkatan keguguran vokal atau konsonan, dan singkatan lazim kolokial. Walaupun, kajian beliau berfokuskan kepada bahasa Melayu namun beliau tidak menemukan bentuk akronim seperti bahasa Inggeris yang mempunyai akronim, contohnya /IMU/ iaitu dari ayat /i miss you/ dan /BTW/ dari ayat /by the way/. Oleh itu, meskipun tidak ada perkataan SMS bahasa Melayu yang boleh dikategorikan sebagai akronim namun penggunaan bahasa singkatan dalam komunikasi digital dilihat sebagai cara yang kreatif untuk menjimatkan masa dan ruang ketika menaip pesanan.

Selain itu, kajian Muhammad Marwan dan Nik Safiah Karim (2014) pula meneliti proses pemendekan dalam pembentukan submorfologi bahasa Melayu. Kajian ini mendapati variasi pemendekan berlaku secara meluas dalam penggunaan bahasa harian seperti pengguguran huruf dan akronim yang bertujuan memudahkan komunikasi. Misalnya, /tekno/, /net/, /uni/ yang berlakunya pengguguran pada awal kata, akhir kata, tengah kata dari leksikal asal iaitu /teknologi/, /internet/ dan /universiti/. Walaupun kajian lebih memfokuskan kepada pembentukan morfologi namun Marwan dan Nik Safiah (2014) memberikan pandangan yang bernilai tentang bagaimana pemendekan kata memberi kesan kepada struktur bahasa dan kecekapan komunikasi dalam media sosial.

Seterusnya, kajian Nur Azlina dan Nuhasyinda (2017) mendapati penggunaan teknologi komunikasi seperti media sosial mendorong inovasi bahasa dalam kalangan gen Z. Hasil dapatan

menunjukkan bahawa generasi ini kerap menggunakan singkatan dan akronim yang mengurangi suku kata serta mengubah struktur asli leksikal seperti /cam/, /nape/, /wat pe/ yang mewakili leksikal /macam mana/, /kenapa/ dan /buat apa/. Selain itu, wujud pencampuran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris seperti /otp/, /otw/ dan /idk/ yang berasal dari kata /on the phone/, /on the way/ dan /I don't know/. Situasi ini mencerminkan kreativiti tinggi generasi Z dalam mencipta istilah dan frasa baru yang tidak terdapat dalam kamus standard serta kecenderungan untuk menyederhanakan struktur tatabahasa dan penggunaan kata bertujuan memudahkan komunikasi berkesan dan tidak formal.

Selain itu, Tagliamonte dan D'Arcy (2016) dalam kajian bertajuk *So Sick or So Cool? The Language of Youth on the Internet* telah meneliti perubahan bahasa dan gaya komunikasi remaja dalam konteks digital. Fokus utama kajian kepada slang, akronim seperti *LOL*, *BRB*, dan *OMG*, serta pemendekan frasa seperti *TMI* dan *IDK*. Remaja juga menggunakan emotikon dan emoji untuk menyampaikan emosi. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan remaja sebagai agen utama perubahan bahasa di internet, yang membentuk identiti sosial mereka. Pengkaji mencadangkan pemahaman lebih mendalam tentang bahasa remaja dan implikasinya terhadap bahasa standard.

Seterusnya, kajian Noor Akhmarisha dan Rusniyati (2017) memberi fokus kepada ciri linguistik dan perubahan bahasa melibatkan pelajar IPTS dalam platform WhatsApp. Hasil kajian menunjukkan pelajar lebih cenderung menggunakan singkatan akronim dan pencampuran kod dalam konteks perbualan WhatsApp. Kajian ini juga mengetengahkan ciri teks ringkas yang tidak mengikuti tatabahasa dan sintaksis dengan betul, sebaliknya teks lebih panjang cenderung lebih berformat dan jelas. Hal ini kerana penggunaan bahasa informal mempermudah komunikasi, namun masih menimbulkan kebimbangan terhadap penurunan standard bahasa Melayu.

Selanjutnya, terdapat dua kajian yang lepas yang dilihat menggunakan aplikasi WhatsApp sebagai sampel kajian dalam konteks linguistik, iaitu kajian Khairun et al. (2020) serta kajian Julaina dan Noratikah (2023). Kajian yang dilakukan oleh Khairun et al (2020) adalah berkaitan penggunaan bahasa rojak dalam perbualan aplikasi WhatsApp yang memfokuskan kepada golongan belia dan dewasa muda. Pengkaji mendapati penutur mencampurkan kod bahasa dalam komunikasi lain terutamanya dalam konteks tidak formal adalah untuk membantu pengguna menyampaikan mesej dengan lebih pantas serta penyesuaian terhadap sosial serta teknologi. Oleh itu, kajian ini yang menggunakan Teori Relevans ini menyatakan bahawa pengguna bukan sahaja menggabungkan bahasa namun fenomena ini dianggap sebagai sebuah alat pragmatik yang menghubungkan identiti sosial dan kemudahan komunikasi.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan oleh Julaina dan Noratikah (2024) juga turut meneliti fenomena linguistik dalam kalangan pengguna media sosial yang aktif khususnya dalam WhatsApp. Kajian dilaksanakan bagi mengetahui makna dan pengaruh bahasa slanga dalam media sosial dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Hasil daripada kajian telah menunjukkan bahasa slanga berkembang dengan cepat dalam media sosial dan mempunyai pengaruh kuat dalam membentuk jati diri pengguna dalam talian. Oleh itu, bahasa slanga dianggap sebagai cara untuk menggambarkan kreativiti, sikap serta emosi dalam kalangan pengguna.

Walaupun kajian-kajian seperti Noor Akhmarisha dan Rusniyati (2017), Khairun et al (2020) serta Julaina dan Noratikah (2023) membincangkan fenomena bahasa dalam aplikasi WhatsApp namun kajian-kajian tersebut tidak memfokuskan generasi Z secara mendalam dan meluas. Hal ini kerana generasi Z berada dalam fasa perkembangan bahasa yang aktif dan komunikasi harian mereka sangat dipengaruhi oleh media digital. Oleh itu, penggunaan bahasa slanga dan rojak khususnya singkatan boleh membentuk identiti bahasa mereka dalam komunikasi harian selain melihat cara mereka mempengaruhi dan menggunakan bahasa dalam situasi rasmi atau tidak rasmi. Dalam pada itu, walaupun kajian Nur Azlina dan Nuhasyinda (2017) serta Tagliamonte dan D'Arcy (2016) meneliti fenomena bahasa singkatan generasi Z dalam media sosial namun kajian-kajian ini tidak memfokuskan media sosial aplikasi WhatsApp yang menjadi platform harian generasi muda untuk berkomunikasi. Justeru, kajian ini akan mengisi kelompondan kajian yang sedia ada berkaitan penggunaan bahasa singkatan dalam platform WhatsApp kerana untuk melihat kedinamikan bahasa berfungsi dalam generasi tersebut.

3. Metodologi

Kajian ini mengadaptasi konsep oleh Neuman (2011) yang menganggap teknik kajian adalah satu proses khusus yang diguna bagi memilih kes, pengumpulan dan pemerincian dokumen, analisis kandungan dokumen serta pelaporan penemuan. Oleh itu, pendekatan kualitatif deskriptif diaplikasikan bertujuan untuk menganalisis fenomena bahasa singkatan yang digunakan oleh generasi Z dalam platform WhatsApp. Sampel kajian difokuskan kepada generasi muda berumur 17 hingga 21 tahun yang merangkumi pelajar sekolah menengah, pelajar kolej serta pekerja muda. Neuman (2011) berpendapat bahawa sampel kajian dipilih daripada sekumpulan individu daripada populasi yang lebih besar untuk dijadikan subjek penelitian, dengan tujuan memastikan bahawa hasil kajian dapat diterapkan pada populasi tersebut. Seterusnya, data kajian dikumpulkan melalui tangkapan skrin teks perbualan WhatsApp dalam konteks kumpulan dan juga individu. Tempoh pengumpulan data berlangsung dari Disember 2023 hingga Mac 2024, dengan fokus utama untuk mengenal pasti pola penggunaan bahasa singkatan yang aktif dalam kalangan generasi Z. Bahkan, sepanjang tempoh ini juga muncul pelbagai bentuk singkatan baru yang bersesuaian dengan kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji. Di samping itu, kaedah kualitatif digunakan dalam analisis dan pemaparan data untuk memanfaatkan penggunaan korpus teks mesej WhatsApp secara keseluruhan selain menjadikan kerangka Supyan Hussin (2005) sebagai teras kajian. Sebanyak 236 data bentuk singkatan telah dikutip melalui teknik pemerhatian tidak turut serta sebelum disenaraikan kesemua data singkatan yang wujud. Kemudian, data dikelaskan kepada bentuk-bentuk bahasa singkatan mengikut kerangka pengkategorian Supyan Hussin (2005). Melalui analisis ini, kajian dapat mengenal pasti corak linguistik serta kreativiti gen Z dalam mencipta singkatan baru dalam komunikasi seharian mereka.

3.1 Kerangka Pengkategorian Supyan Hussin (2005)

Supyan Hussin (2005) telah membahagikan penemuan utamanya secara arbitari kepada tiga kategori iaitu singkatan lazim, singkatan keguguran vokal atau konsonan dan singkatan lazim kolokial. Memandangkan kajian beliau hanya berfokuskan kepada bahasa Melayu sahaja, tidak ada akronim bahasa SMS kerana beliau berpendapat tidak ada perkataan SMS bahasa Melayu yang boleh dikategorikan sebagai akronim sebagaimana yang terdapat dalam gaya bahasa SMS bahasa Inggeris seperti /BTW/ dari ayat /by the way/. Oleh itu, kategori yang pertama iaitu singkatan lazim dibentuk daripada pemendekan kata yang telah diterima sebagai sebuah konvensyen seperti /ttg/ dan /jgn/ mewakili leksikal /tentang/ serta /jangan/. Bentuk singkatan lazim juga telah diterima dalam penulisan umum mengikut konteks yang bersesuaian. Kemudian, singkatan keguguran vokal atau konsonan melibatkan pengguguran satu atau dua huruf vokal atau konsonan secara konsisten, contohnya /smpi/ untuk /sampai/ dan /sy/ untuk /saya/. Namun begitu, Supyan menegaskan kategori singkatan ini masih belum diterima sebagai satu konvensyen kerana kadangkala didapati satu perkataan itu dipendekkan lebih dari satu cara. Manakala singkatan lazim kolokial merangkumi bentuk singkatan yang berasaskan bahasa basahan serta berbunyi keanak-anakan yang sering digunakan dalam komunikasi secara tidak formal atau lebih santai. Misalnya, kata singkatan seperti /nape/, /wat/, /amek/ yang mewakili kata /kenapa/, /buat/ dan juga /ambil/. Bentuk singkatan begini lazim digunakan oleh individu yang mempunyai hubungan peribadi antara pengguna lain. Justeru, melalui kerangka ini, sebuah kajian dalam mengenal pasti corak singkatan komunikasi remaja serta menilai kreativiti bahasa dapat dilaksanakan.

4.0 Dapatan dan Perbincangan

4.1 Kepelbagaian Bentuk Bahasa Singkatan Dalam Teks Perbualan WhatsApp

Secara asasnya, bahasa singkatan merupakan proses pemendekan kata daripada beberapa bahagian leksem dan kombinasi leksem untuk menjadi bentuk baru berstatus kata (Ad & Nouval, 2020). Fenomena ini menjadi ciri linguistik yang paling ketara dalam teks perbualan WhatsApp yang menyerlahkan penggunaan sifat pemendekan sangat meluas serta bentuk ortografik bahasa yang tidak mengikut piawaian. Sehubungan itu, analisis ini dibahagikan kepada dua subtopik iaitu bentuk singkatan yang digunakan oleh gen Z berdasarkan kategori Supyan Hussin (2005) dan penemuan baru bahasa singkatan yang tidak disebut oleh Supyan Hussin.

(a) Bentuk Bahasa Singkatan Yang Digunakan Oleh Gen Z

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, Supyan Hussin (2005) telah membahagikan bentuk singkatan kepada tiga kategori iaitu singkatan lazim, singkatan keguguran vokal atau konsonan dan singkatan lazim kolokial. Kategori ini didapati masih digunakan dalam generasi Z kini dalam teks perbualan WhatsApp.

Jadual 1: Contoh Bentuk Singkatan dalam teks perbualan WhatsApp

Kategori	Contoh Singkatan	Bahasa Melayu Baku
Singkatan Lazim	dkt, yg, igt, jgn, utk, dlm, tdk	dekat, yang, ingat, jangan, untuk, dalam, tidak
Singkatan Keguguran Vokal atau Konsonan	smpai, lagii, tu/tuu, tkkkkk, abis, tggl, sok/eskkk, ujan	sampai, lagi, itu, tak, habis, tinggal, esok, hujan
Singkatan Lazim Kolokial	ko, sje, babaiii, tanye/tnye, kte, hnye, jp/jap, kete, timer, hareyy, nape	kau, saja, bye, tanya, kata, hanya sekejap, kereta, terima, haram, kenapa

Seiring dengan kajian Supyan Hussin (2005), menyatakan bahawa bentuk singkatan lazim selalu digunakan dalam komunikasi SMS dan telah diterima sebagai satu konvensi dalam bahasa Melayu. Bentuk singkatan ini mempunyai pola pemendekan yang konsisten dan tidak berubah selain sifatnya yang universal serta mudah difahami setiap lapisan generasi. Berdasarkan jadual 1, dapat dilihat bahawa kategori singkatan lazim hanya melibatkan proses pengguguran satu konsonan dan vokal dalam tempoh tersebut sekaligus mematuhi syarat sesuatu singkatan. Misalnya, leksikal /dalam/ telah dipendekkan menjadi /dlm/ yang menunjukkan pengguguran hanya berlaku pada vokal /a/ sahaja. Sehubungan dengan itu, kategori ini didapati masih digunakan secara aktif oleh generasi Z dalam teks perbualan WhatsApp.

Selain itu, singkatan keguguran vokal atau konsonan pula lebih disingkatkan dengan menggugurkan huruf vokal atau konsonan secara bebas tanpa kawalan sehingga wujud kepelbagaian singkatan daripada leksikal asal (Noor & Rusniyati, 2017). Sebagai contoh, singkatan /msk/ dapat diinterpretasikan sebagai /masak/ atau /masuk/ dan /tggl/ mungkin mewakili leksikal /tanggal/ atau /tinggal/. Oleh itu, data kategori singkatan keguguran vokal atau konsonan di atas, menunjukkan penyingkatan sesuatu kata dilakukan secara tidak konsisten atau tetap. Data leksikal /habis/ dan /hujan/ juga berlaku pengguguran konsonan /h/ pada awal kata namun fonem yang lain dikekalkan dan menjadi kata singkatan /abis/ dan /ujan/. Namun, terdapat juga data leksikal /barang/, /dengar / dan /berduit/ yang berlaku pengguguran vokal dan konsonan dalam tempoh masa yang sama. Proses pengguguran berlaku pada vokal /a/, /e/ dan pada konsonan /n/, /r/, /n/ lalu membentuk kata singkatan /brg/, /dgr/ dan juga /bduit/. Bentuk ini memperlihatkan ciri-ciri yang berbeza dengan kategori keguguran vokal atau konsonan dan didapati berlakunya daya kekreaktifan yang tinggi oleh golongan remaja dalam mencipta bentuk singkatan baru namun mengikut situasi keadaan ketika itu.

Seterusnya, singkatan lazim kolokial kerap digunakan dalam konteks suasana yang santai di WhatsApp kerana tidak terikat dengan peraturan tatabahasa (Akhmarisha & Rusniyati, 2017). Penggunaannya lebih bersifat rapat, intim dan mesra antara penghantar dan penerima serta turut diaplikasikan dalam pertuturan lisan semasa. Kategori ini menyingkatkan leksikal dengan cara pengguguran serta penambahan fonem. Contohnya, leksikal /sekejap/ dalam jadual di atas, telah mengalami proses pengguguran dua suku kata awal iaitu /se/ dan /ke/ lalu terbentuk singkatan /jap/ atau /jp/. Hal ini bermaksud gen Z bukan sahaja menggugurkan dua suku kata awal malahan vokal /a/ di

tengah kata dihilangkan dan hanya membentuk singkatan dari fonem konsonan /j/ dan /p/. Meskipun kata singkatan hanya terdiri daripada dua fonem konsonan sahaja namun penerima masih memahami makna yang disampaikan oleh penghantar. Tambahan fonem juga berlaku, seperti dalam leksikal /kereta/ iaitu /re/ telah digugurkan dan berlakunya, penambahan vokal /e/ pada akhir kata bagi menggantikan vokal /a/ yang telah dihilangkan. Perubahan kata ini telah mengalami proses pengguguran dan penggantian fonem lalu menghasilkan kata singkatan /kete/ atau sebutannya [ketə]. Keadaan ini juga berlaku pada leksikal /hanya/, /saja/, /bila/ dan /kenapa/ yang disingkatkan menjadi /hnye/, /sje/, /bile/ dan juga /nape/ dengan penggantian vokal akhir.

(b) Penemuan Baru Bentuk Singkatan

Selain kategori singkatan yang disebut oleh Supyan Hussin (2005), terdapat bentuk- bentuk singkatan baru yang digunakan oleh generasi Z dalam teks perbualan WhatsApp. Keadaan ini bukan sahaja berlaku dalam bahasa Melayu namun bahasa asing juga turut disingkatkan mengikut acuan bahasa Melayu dan kini semakin berleluasa. Justeru, terdapat empat kategori bentuk singkatan yang telah diklasifikasikan oleh pengkaji seperti berikut;

Jadual 2: Contoh Bentuk Singkatan dalam teks perbualan WhatsApp

Kategori	Contoh Singkatan	Bahasa Melayu Baku
Singkatan Penggabungan Kata	taya, camne, katne, camtu, apetuu, tknk/tanak/tana, manatau, kiteorg, tade, tamau	tak payah, macam mana, di mana, macam itu, apa itu, tak nak, mana tahu, kita orang, tak ada, tak mahu
Singkatan Kliping	kuar, suh, sek, lab, laki, cam, sej, dah, bro, exam	keluar, suruh, sekolah, laboratorium, lelaki, macam, sejarah, sudah, brother, examination
Singkatan Simbol/Lambang Huruf	k, g, x, u	okay, pergi, tak, you
Singkatan Penggandaan	lps ii, color ii, betul ² , lain ² , agak ²	lepas- lepas, colour-colour, betul-betul, lain-lain, agak-agak

William et al. (2010) menyifatkan bentuk singkatan penggabungan kata merupakan proses ‘blending’ yang bermaksud singkatan dihasilkan daripada dua suku kata yang berlainan untuk menjadi satu perkataan. Pembentukan ini akan membawa makna yang berbeza namun difahami oleh pengguna yang berkomunikasi di WhatsApp (Mia & Pratomo, 2019). Contohnya, singkatan /taya/ merupakan gabungan daripada perkataan /tak/ dan /payah/ yang telah mengalami proses pengguguran dan penggabungan. Pada peringkat awal, berlakunya pengguguran konsonan /k/ di akhir kata leksikal /tak/ dan berlaku juga pengguguran pada suku kata awal leksikal /payah/ iaitu /pa/. Kemudian, membentuk singkatan /ta/ dan juga /ya/ lalu digabung menjadi singkatan /taya/ yang bermaksud /tidak payah/. Proses ini juga menghasilkan variasi leksikal yang lebih efisien untuk perbualan harian.

Singkatan kliping pula melibatkan penghilangan dengan hanya mengekalkan satu atau dua suku kata tertentu kemudian membentuk kata baru yang singkat (William et al. 2010). Lazimnya, singkatan kliping dilakukan pada suku kata pertama atau suku kata akhir (Fenawati, 2023). Dalam kajian, didapati singkatan kliping dipendekkan dengan menghilangkan suku kata sama ada pada awal, tengah dan akhir kata lalu membentuk singkatan baru tanpa mengubah makna asal leksikal. Contohnya, /keluar/ dan /macam/ telah mengalami proses penghilangan suku kata tengah /lu/ dan awal kata /ma/ kemudian membentuk singkatan /kuar/ serta /cam/. Walaupun singkatan ini menghasilkan bunyi fonologi yang baru namun makna perkataan masih sama dengan maksud yang asal. Proses ini selari dengan singkatan

kliping dalam bahasa Inggris yang turut melibatkan sebahagian suku kata seperti /mike/ dan /ad/ untuk 'microphone' serta 'advertisement'. Tambahan pula, kliping biasanya berlaku pada golongan kata nama dan kata sifat (Martin et.al 2021). Sungguhpun begitu, bentuk singkatan kliping mempunyai pola yang tidak konsisten dan sentiasa berubah mengikut kepada penggunaannya yang memberi kesan kepada bahasa sedia ada.

Seterusnya, bentuk singkatan simbol atau lambang huruf melibatkan penggunaan fonem tunggal sebagai ganti kepada keseluruhan leksikal. Hal ini bermaksud gugusan vokal serta konsonan digugurkan seperti singkatan /k/ daripada kata /okay/ telah dihilangkan vokal /o/ pada awal kata dan vokal /a/ serta konsonan /y/ pada posisi akhir kata. Kemudian hanya mengekalkan satu huruf yang memberi bunyi dominan kepada kata asal iaitu konsonan /k/. Begitu juga yang berlaku pada leksikal /pergi/ apabila gugusan vokal dan konsonan digugurkan bertujuan untuk meringkaskannya kepada satu fonem iaitu /g/. Tambahan lagi, penyingkatan yang dilakukan dalam kategori ini bersifat konsisten walaupun hanya satu simbol huruf yang menginterpretasikan leksikal asal namun difahami kerana tidak mengubah makna asal. Singkatan ini sinonim dengan bahasa Inggris yang banyak mengaplikasikan simbol huruf seperti /u/ dan /n/ dari kata /you/ serta /and/ dalam komunikasi digital.

Akhir sekali, Gen Z juga memendekkan bentuk kata ganda dengan menggunakan angka dan juga simbol yang mewakili sebahagian daripada kata asal. Angka atau simbol digunakan sebagai petunjuk penggandaan namun kategori singkatan ini masih lagi membantu dalam memberikan penekanan atau penguatan terhadap makna yang ingin disampaikan sehingga konteks WhatsApp menjadi lebih jelas dan kuat. Penggunaan simbol /"/ dan juga /2/ selain /ii/ dalam dapatan di atas melibatkan proses pembentukan kata kliping dan juga penggandaan. Contohnya, /lps ii/ iaitu kata ganda penuh /lepas-lepas/ mengalami proses pengguguran vokal /e/ dan /a/ pada awalnya lalu membentuk singkatan /lps-lps/ sebelum dihilangkan sebahagian frasanya dengan penggantian angka roman iaitu /lps ii/. Proses yang sama terjadi kepada singkatan kata ganda /betul"/ serta / agak²/ yang tidak mengubah makna asal dan bertujuan untuk menjimatkan ruang. Justeru, penggunaan angka mencerminkan gaya tulisan yang santai serta difahami oleh generasi Z dalam konteks perbualan harian mereka.

4.2 Ciri-Ciri Umum Linguistik Bahasa Singkatan Dalam Teks Perbualan WhatsApp

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati wujudnya fenomena linguistik daripada semua pembentukan kata singkatan yang telah dibincangkan di atas dalam teks perbualan WhatsApp responden. Akhmarisha & Rusniyati (2017) menyatakan bahawa penggunaan WhatsApp di kalangan generasi Z telah mengalami beberapa unsur 'pengubahsuaian' atau 'perubahan' dari aspek linguistik. Ringkasnya, gen Z lebih mengutamakan aspek 'apa yang hendak dipertuturkan' dan juga aspek 'bagaimana hendak dipertuturkan' dalam maksim perbualan berbanding memerhatikan penggunaan yang betul dalam segi tatabahasa. Justeru, terdapat tiga ciri umum linguistik bahasa singkatan yang paling dominan didapati dalam teks perbualan WhatsApp generasi Z iaitu penggunaan pengulangan huruf, penyederhanaan fonetik, pencampuran kod serta kreativiti dan keunikan bahasa.


i. Penggunaan Pengulangan Huruf

Grectchen (2019) mendefinisikan penggunaan pengulangan huruf sebagai alat ekspresif yang biasanya dipanjangkan dan cenderung menjadi perkataan yang mempunyai sentimen. Zainab et al. (2024) juga berpendapat huruf dalam sosial media sering diulang dalam perkataan bertujuan menekankan atau meluahkan perasaan. Justeru, hasil dapatan mendapati wujudnya fenomena ini dalam singkatan keguguran vokal atau konsonan dan juga singkatan lazim di posisi akhir kata

Jadual 3: Contoh Singkatan Penggunaan Pengulangan Huruf dalam singkatan teks perbualan WhatsApp

Contoh Singkatan Penggunaan Pengulangan Huruf	Contoh Singakatan	Bahasa Melayu Baku
Pengulangan Huruf Dua Kali	eskk, tkk, lgii, tuu, tnyee, nii, schh, hareyy	esok, tak, lagi, itu, tanya, ini, school, haram
Pengulangan Huruf Tiga Kali	gerkkk, cepttt, masiii, jhtnyaaa, knnn, dtggg, enafff	gerak, cepat, masih, jahatnya, kan, datang, enough
Pengulangan Huruf Lebih Tiga Kali	tkkkkkk, astgaaaaa, laaaa,	tak, astaga, lah

Dalam konteks perbualan WhatsApp, pengulangan huruf berlaku secara tidak konsisten seperti dalam rajah di atas yang didapati wujudnya tiga jenis penggunaan pengulangan huruf. Pengguna lebih cenderung menggunakan singkatan penggunaan pengulangan huruf sebanyak dua kali dan juga tiga kali dalam ayat. Misalnya “aku gerkk nii. mak aku suh” yang bermaksud /aku gerak ini. Emak aku suruh/. Dalam ayat tersebut, singkatan /gerkk/ dan /nii/ menunjukkan penggunaan pengulangan huruf pada posisi akhir kata apabila konsonan /k/ dan /i/ diulang sebanyak dua kali. Selain itu, ayat WhatsApp seperti “masiii menunggu orangnyaaa ambikkk” bermaksud /masih menunggu orangnya ambil/ menunjukkan penggunaan pengulangan huruf vokal /i/, /a/ dan konsonan /k/ yang sangat ketara sebanyak tiga kali untuk menekankan mesej yang ingin disampaikan.



Sumber: Kumpulan WhatsApp Senah Classmates

Rajah 1: Contoh Teks Perbualan dalam WhatsApp



Sumber: Kumpulan WhatsApp Senah Classmates

Rajah 2 : Contoh Teks Perbualan dalam WhatsApp

Dalam rajah di atas, leksikal /yeee/ dan /schhh/ mengulangi konsonan /e/ dan /h/ sebanyak tiga kali kemudian leksikal /dtgg/ hanya mengulangi konsonan /g/ sebanyak dua kali pada posisi akhir kata. Fenomena ini menunjukkan pola pengulangan yang tidak tetap kerana terdapat singkatan yang diulang hanya dua, tiga atau lebih. Oleh itu, pengulangan huruf dalam konteks perbualan WhatsApp berlaku secara tidak konsisten. Misalnya, singkatan /laaaa/, /astgaaaaa/ dan juga /tkkkkkk/ memperlihatkan pengulangan yang lebih dari tiga kali. Namun begitu, terdapat juga pengulangan huruf yang berlaku dalam kategori singkatan lazim kolokial seperti singkatan /hareyy/ yang digugurkan /a/ dan /m/

kemudian digantikan dengan /e/ serta /y/. Pada posisi akhir kata, konsonan /y/ diulang bertujuan untuk mengekspresikan perasaan gembira, keakraban atau menambah elemen humor pada ucapan tersebut.

Sejajar dengan pendapat Irina, Phoey & Cheah (2018) yang menyatakan bahawa penggunaan pengulangan huruf dalam media sosial bertujuan untuk menekankan pendapat yang dinyatakan oleh penghantar, menunjukkan perubahan dalam nada, mewujudkan situasi tidak formal di media sosial. Hal ini kerana gen Z melakukan pengulangan huruf dalam bentuk singkatan ketika ingin berkomunikasi dalam suasana yang lebih santai dan cenderung bersifat lebih ekspresif ketika berbual secara peribadi bersama kawan di WhatsApp. Dalam aspek morfologi, pengulangan huruf yang dilakukan berfungsi sebagai morfem tambahan yang tidak memberi makna semantik secara langsung tidak mengubah makna dasar perkataan. Namun, fungsi ini juga dilihat sebagai penanda intonasi dalam teks yang seakan-akan meniru cara pertuturan lisan seperti “*ko nii*” yang menekankan intonasi tinggi pada vokal /i/ yang diulang. Hal ini kerana menggantikan intonasi suara yang biasanya digunakan dalam percakapan langsung. Faiz Plastikwala (2018) juga berpendapat ia merupakan ciri retorik yang penting dalam komunikasi teknikal kerana mewujudkan kandungan mesra pembaca di samping menunjukkan gen Z sering mencari cara mengekspresikan diri dengan unik dan menarik. Secara langsung, mencerminkan bagaimana mereka beradaptasi dengan teknologi komunikasi media melalui penggunaan gaya penulisan yang lebih bebas dan kreatif.

ii. Penyelerhanaan Fonetik

Penyelerhanaan fonetik dalam bahasa Melayu tidak hanya melibatkan penghapusan fonem, tetapi juga memaparkan perubahan atau penyesuaian konsonan dan vokal yang melibatkan konteks gaya bahasa kolokial atau basahan. Menurut Crystal (2001), pengguna komunikasi digital sering mencari cara untuk menyederhanakan penulisan tanpa mengurangi makna dan ini sering melibatkan perubahan untuk menghasilkan bentuk kata yang lebih pendek dan juga lebih mudah.

Jadual 4: Contoh Penggunaan Pengulangan Huruf dalam singkatan teks perbualan WhatsApp

Contoh Singkatan	Bahasa Melayu Baku
camne, tade, katne, dye, kite, hnye, babaiiii, kete, timer, nape, muke, ngade, cian, cita, kete, tape, tanye,	macam mana, tak ada, di mana, dia, kita, hanya, bye. kereta. terima, kenapa, muka, mengada, kesian, ceriata, kereta, tak apa, tanya



Rajah 3 : Contoh Teks Perbualan dalam WhatsApp

Dalam jadual 4 di atas, menunjukkan remaja sering kali menggunakan bahasa yang mencerminkan identiti sosial dan juga budaya mereka (Danet & Herring, 2007). Oleh itu, kebanyakan singkatan adalah daripada kata-kata yang sering digunakan dalam percakapan lisan lantas disingkatkan ketika ditulis. Misalnya, singkatan /kete/ dalam jadual diatas telah mengalami proses pengguguran vokal /r/ di tengah kata daripada leksikal asalnya /kereta/ dan membentuk singkatan /keta/. Kemudian, vokal /a/ pada posisi akhir kata diubah dengan vokal /e/ yang menghasilkan bunyi [kɛtə] yang mewakili singkatan /kete/. Begitu juga dengan singkatan /dye/, /kite/, /hnye/, /babaiiii/, /kete/ dan /timer/ yang mengalami proses yang sama. Dalam rajah 3, menunjukkan penggunaan singkatan /ko/ dalam ayat yang ditulis oleh remaja ketika berhubung dengan teman rapat. Hal ini kerana dalam dialek bahasa Melayu fonem /r/, /a/ dan /u/ diucapkan dengan lemah sehingga penghapusan ini masih membenarkan kata

tersebut dikenali. Contohnya, dalam jadual 4 singkatan /tape/ daripada leksikal /tak apa/ yang dihapuskan vokal /a/ kemudian digantikan dengan vokal /e/ pada posisi akhir kata namun masih membentuk kata yang difahami oleh pengguna.

Selain itu, wujud pola perubahan fonem dari vokal /a/ kepada /e/ yang konsisten seperti /camne/, /katne/, /kiteorg/, /nape/, /bile/, /dye/, /sje/, /kite/, /tnye/ dan /hnye/. Menurut Thurlow dan Poff (2011), vokal /e/ pada akhir kata lebih mudah diucapkan dan sesuai dengan gaya bahasa kolokial. Misalnya, singkatan gabungan /tadela/ yang berasal daripada /tak/ dan /adalah/ mengalami penghapusan fonem tertentu, lalu vokal /a/ di tengah kata digantikan kepada vokal /e/ bersesuaian dengan ujaran lisan pengguna. Dalam konteks perbualan WhatsApp, fenomena ini berlaku pada ayat yang lebih mudah dan ringkas seperti “*abis cmne*” dan “*aku tnye dye kta memang da abis*”. Gen Z menggambarkan gabungan ciri kedua-dua media pertuturan dan tulisan tanpa disengajakan seterusnya membentuk identiti serta interaksi sosial dalam cara berkomunikasi dan memahami peranan bahasa. Proses penyederhanaan fonetik ini memudahkan komunikasi, di samping mencerminkan penyesuaian bahasa terhadap keperluan komunikasi moden yang dinamik (Akhmarisha & Rusniyati, 2017; Smith & Lim, 2020).

iii. Pencampuran Kod

Pencampuran kod adalah fenomena linguistik yang sering berlaku dalam kalangan pengguna dwibahasa, khususnya generasi Z yang kerap menggunakan WhatsApp. Hal ini kerana generasi kini hidup dalam lingkungan multibahasa dan global sehingga menjadi suatu kelaziman untuk menggabungkan unsur-unsur dari pelbagai bahasa bagi menyampaikan mesej dengan lebih efektif dan ekspresif.

Jadual 5: Contoh Pencampuran Kod dalam singkatan teks perbualan WhatsApp


Contoh Singkatan	Bahasa Melayu Baku
cht, pls, spm, noti, btw, u	chat, please, spam, notification, by the way, you

Jadual di atas menunjukkan pencampuran kod dalam bahasa Inggeris berlaku dalam pemendekkan kategori singkatan kliping dan singkatan lambang huruf. Misalnya, proses kliping telah berlaku dalam singkatan Inggeris /cht/ dan /noti/ yang pada dasarnya merupakan leksikal /chatting/ dan /notification/ lalu digugurkan suku kata akhir /ting/ dan /fication/ kemudian hanya mengekalkan suku kata awal leksikal tersebut. Namun ada sedikit perbezaan pada singkatan Inggeris /cht/ yang memperlihatkan berlaku juga proses penguguran huruf vokal /a/ dari singkatan kliping yang asalnya adalah /chat/.

Selain itu, singkatan simbol huruf juga didapati mempunyai bahasa Inggeris yang digugurkan semua fonem konsonan dan vokal lalu meninggalkan hanya satu fonem yang mewakili leksikal asal. Contohnya, leksikal Inggeris /you/ akan menghilangkan fonem [y] dan [o] serta mengekalkan hanya fonem [u] yang mewakili bunyi [ju:] sama dengan bunyi asalnya. Hal ini kerana penutur dwibahasa sering mengekalkan bahasa kedua dalam pertuturan mereka sekiranya ia melibatkan kata yang lazim digunakan dalam bahasa harian mereka.



Rajah 4 : Contoh Teks Perbualan dalam WhatsApp



Rajah 5 : Contoh Teks Perbualan dalam WhatsApp

Dalam rajah di atas, pengkaji mendapati penggunaan singkatan dua bahasa dalam satu ayat sering terjadi dalam kalangan mereka yang fasih berbahasa Melayu dan Inggeris. Misalnya, rajah 4 memperlihatkan penggunaan singkatan yang menggabungkan elemen tersebut seperti *“hahaha tk msk noti”* yang menggabungkan singkatan bahasa Melayu /tk/ dan /msk/ dengan singkatan bahasa Inggeris /noti/ iaitu /notification/. Begitu juga dengan singkatan /cht/ dan /pls/ dalam konteks perbualan *“weh, ppe cht, aku mndi jap”* serta *“pls aku pnjm”* yang menunjukkan bahasa Inggeris menjadi sebahagian dari kosa kata harian penutur natif bahasa Melayu. Keadaan ini berlaku kerana penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dalam media, pendidikan dan teknologi membuat mereka terbiasa menggunakan kedua-dua bahasa tersebut bergantian dalam kehidupan sehari-hari (Nguyen & Yang, 2018). Fenomena ini dapat dilihat pada rajah 5, apabila remaja menggunakan singkatan seperti /btw/ untuk memasukkan topik baru dalam perbualan seperti *“btw meeting mlm ni atin ada kan?”*. Leksikal ini berfungsi sebagai akronim yang tidak diucapkan sepenuhnya dalam komunikasi digital. Penggunaan ini mencerminkan penyesuaian linguistik dalam konteks multibahasa. Fenomena ini juga secara langsung memperlihatkan bagaimana perkembangan bahasa terus berlaku dengan kemunculan pengguna generasi Z di samping berubah mengikut keperluan komunikatif penutur dalam pelbagai situasi sosial serta budaya.

iv. Kreativiti dan Keunikan Bahasa

Kreativiti remaja yang mencipta pembentukan bahasa singkatan tanpa sengaja telah menunjukkan perkembangan bahasa yang dinamik di samping keunikan bahasa yang menarik dalam gen Z. Fenomena ini juga menggambarkan keupayaan gen Z untuk menyesuaikan bahasa bagi memenuhi keperluan komunikasi yang lebih cepat dan ringkas (Supyan, 2005). Misalnya, singkatan penggabungan kata seperti /taya/, /camne/, /katne/ dan /camtu/ menunjukkan cara mereka menggabungkan dua leksikal yang berbeza menjadi satu perkataan baharu yang lebih mudah dan singkat.

Jadual 6: Contoh Kreativiti dan Keunikan dalam singkatan teks perbualan WhatsApp

Contoh Singkatan	Bahasa Melayu Baku
tatau, tana, taya, camtu, camne, katne, manatau, kalini, tapuas, tasuka, tade	tak tahu, tak nak, tak payah, macam itu, macam mana, di mana, mana tahu, kali ini, tak puas, tak suka, tak ada

Dalam perbualan WhatsApp, gen Z lazimnya menggunakan bentuk singkatan seperti dalam jadual 6 di atas seperti /tatau/, /tana/, /taya/, /camtu/, /camne/, /katne/, /manatau/, /kalini/, /tapuas/, /tasuka/, /tade/ untuk memudahkan penulisan dan pemahaman dalam perbualan harian di samping keterbatasan ruang dalam WhatsApp, mendorong pengguna menyingkatkan kata. Contohnya, singkatan seperti /taya/ daripada kata /tak payah/ kemudian /tana/ daripada kata /tak nak/ terhasil daripada proses pengguguran huruf dan penggabungan kata. Keadaan ini membolehkan pengguna menyampaikan maksud dengan lebih pantas dan ringkas sesuai dengan gaya hidup digital gen Z.



Rajah 7 : Contoh Teks Perbualan dalam WhatsApp

Menurut contoh dalam rajah 6, singkatan /cmtu/ daripada leksikal /mcam itu/ memudahkan pengguna menaip secara ringkas dalam konteks tidak formal. Begitu juga dengan bentuk singkatan lain seperti /manatau/, /kiteorg/, /tapuas/, /tasuka/, /tade/, /tatau/ dan /tana/. Dengan menggabungkan dan memendekkan kata, mereka mencipta cara ekspresi baru yang unik dan relevan dengan gaya hidup mereka yang serba pantas. Hal ini kerana pengguna tiada masa untuk menerangkan segala-galanya secara terperinci dan menulis setiap perkataan untuk menggambarkan yang dirasakan. Oleh itu, singkatan amat membantu untuk memberitahu perasaan pengguna dan terdapat sebilangan besar gen Z yang sering menggunakan bentuk singkatan ini semasa berkomunikasi di media sosial (Azul & Ali, 2019).

Seperti rajah 7, ayat “*Nisa tana masuk cmpr da*” dan “*tatau la*” menggunakan beberapa singkatan yang lebih mudah dan cepat untuk menulis berbanding ejaan penuh seperti /tak nak/, /campur/, /dah/, /tak tahu/ dan /la/. Teknik sebegini lebih menjimatkan masa menaip dan menjadikan komunikasi lebih cepat dan pantas (Tagliamonte, 2016). Oleh itu, kreativiti dalam penggunaan singkatan seperti ini bukan sahaja membantu mempercepatkan komunikasi malahan turut menambah elemen budaya dan identiti dalam bahasa mereka. Singkatan ini sering kali difahami dengan baik dalam kalangan rakan sebaya mereka seperti contoh teks perbualan WhatsApp di atas yang menunjukkan sampel kajian lebih gemar menggunakan bentuk singkatan penggabungan ketika berkomunikasi secara santai dengan kawan-kawan mereka.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhan, Supyan Hussin (2005) telah membahagikan bentuk singkatan kepada tiga kategori iaitu singkatan lazim, singkatan keguguran vokal atau konsonan dan singkatan lazim kolokial. Walau bagaimanapun, terdapat juga kewujudan kategori yang tidak pernah dibahas oleh Supyan Hussin iaitu singkatan penggabungan kata, singkatan klipang, singkatan lambang huruf dan singkatan penggandaan. Melalui hasil dapatan singkatan ini, wujudnya ciri-ciri fenomena linguistik yang ketara dan lazim digunakan oleh gen Z tanpa mereka sedari.

Sememangnya, gen Z sering menyesuaikan bahasa mereka untuk memenuhi keperluan komunikasi digital melalui penyederhanaan fonetik khususnya perubahan fonem vokal /a/ kepada /e/ yang bersesuaian dengan ujaran seharian mereka. Selain itu, wujud juga fenomena penggunaan pengulangan huruf yang berfungsi mengekspresikan segala emosi pengguna dalam penulisan teks selain memberikan penekanan dalam konteks tersebut. Meskipun begitu, pengaruh global juga tidak dapat dielakkan apabila wujud fenomena pencampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam singkatan klipang dalam satu wacana.

Keadaan ini sangat unik sehingga menunjukkan kekreatifan pengguna gen Z mengaplikasikan media sosial melalui kedinamikan bahasa. Secara langsung, menunjukkan bahawa generasi muda bukan sahaja penerima teknologi, tetapi juga pencipta bahasa baru yang sesuai dengan keperluan komunikasi mereka. Implikasi ini penting bagi kajian masa depan tentang bagaimana teknologi terus mempengaruhi cara kita berkomunikasi dan menyampaikan maklumat. Oleh itu, kajian menegaskan pentingnya sosiolinguistik dalam memahami perkembangan bentuk bahasa singkatan di kalangan generasi teknologi. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) perlu mempertimbangkan pengemaskinian kamus bagi memasukkan bentuk singkatan lazim yang digunakan oleh generasi Z selagi tidak mengancam keutuhan bahasa Melayu standard. Sekaligus, menjadi panduan dalam penulisan pengguna WhatsApp bagi menghindari kekeliruan bentuk singkatan yang digunakan. Justeru itu, amat wajar pengkaji akan datang meneliti kajian ini dari aspek yang lebih luas dan meneroka kepelbagaian bentuk bahasa singkatan yang mungkin akan wujud di samping memahami pola fenomena linguistik antara lapisan generasi.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan penyelidikan GUP-2023-034 yang bertajuk Perubahan Normalisasi Bahasa Dalam Komunikasi Internet.

Rujukan

- Crystal, D. (2001). *Language and the internet*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Danet, B., & Herring, S. C. (Eds.). (2007). *The multilingual internet: Language, culture, and communication online*. Oxford: Oxford University Press.
- Fenawati, F. (2023). Penggunaan bahasa gaul dalam sosial media di kalangan remaja. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 3(3), 1-12.
- Hermawan, A. I., & Rumaf, N. (2020). Analisis abbreviation bahasa game online pada permainan Mobile Legend (kajian morfologi). *Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, 1(2), 9-18.
- Hilpert, M., Correia Saavedra, D., & Raains, J. (2021). A multivariate approach to English clippings. *Journal of General Linguistics*, 6(1), 1-30.
- Hussin, S. (2005). Korpus bahasa SMS: Kreativiti dan ancaman kepada bahasa. *Jurnal e-Bangi*, 2(2), 1-15.
- Julaina Nopiah & Noratikah Lawi. (2023). Bahasa slanga dalam kalangan masyarakat di media sosial: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 27 (2), 43-59
- Lim, S. (2020). Colloquial expressions and digital communication: An analysis of language use on social media. *International Journal of Language Studies*.
- Mansur, Z., Omar, N., Tiun, S., & Alshari, E. M. (2024). A normalization model for repeated letter in social media hate speech text based on rules and spelling correction. *PLOS ONE*, 19(3), 2-25.
- Mat Yazid, K. D. A., Mohd Rusli, N. F., Hamzah, N., Mohd, F. H., Baharum, H., & Abdul Jobar, N. (2020). Penggunaan bahasa rojak dalam aplikasi WhatsApp: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Komunikasi Bahasa*, 15(3), 45-62.
- McCulloch, G. (2019). *Because internet: Understanding the new rules of language*. New York: Riverhead Book.
- Muhammad Marwan, & Nik Safiah Karim. (2014). Proses pemendekan dalam pembentukan kata submorfologi bahasa Melayu: Satu tinjauan awal. *Jurnal Bahasa dan Linguistik Melayu*, 10(1), 23-45.
- Neuman, W. L. (2011). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Boston: Allyn & Bacon.
- Nguyen, D., & Yang, Q. (2018). A survey of short text classification techniques. *Journal of Emerging Technologies in Web Intelligence*, 10(2), 73-86.
- Noor Akhmarisha, & Rusniyati. (2017). Analisis linguistik terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar IPTS. *International Journal for Linguistic & Literary Studies*, 1(1), 151-165.
- Nur Asyikin Rodin & Mohamad Nik Mat Pelet. (2024). Analisis Penggunaan Ayat Majmuk dalam Teks Rasmi Ucapan Menteri Pendidikan 2022. *Jurnal Linguistik*, 28 (1), 62-74
- Nur Azlina, & Nurhasyinda. (2017). Modenisasi bahasa di kalangan Gen Z. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(4), 123-140.
- O'Grady, W., Archibald, J., Aronoff, M., & Rees-Miller. (2010). *Contemporary linguistics: An introduction*. Bedford: St. Martin's.
- Pak, I., Teh, P. L., & Cheah, Y. N. (2018). Hidden sentiment behind letter repetition in online reviews. *Journal of Computer Science*, 10(2), 115-120.
- Plastikwala, F. (2018). The use of rhyme, rhythm, and melody as a form of repetition priming to aid in encoding, storage, and retrieval of semantic memories in Alzheimer's patients. *The Journal of Undergraduate Research and Creative Scholarship*, 1-20.
- Rahmanna, M., & Widodo, P. (2019). The comparative study between Indonesia and English blend words. *LingTera*, 6(1), 1-7.
- Rahmanna, M., & Widodo, P. (2019). The comparative study between Indonesia and English blend words. *LingTera*, 6(1), 1-7.
- Rengganis Citra Cenderamata, & Agus Nero Sofyan. (2019). Abreviasi dalam percakapan sehari-hari di media sosial: Suatu kajian morfologi. *Prasasti: Journal of Linguistics*, 4(1).
- Sabrina Isnaini Putri, & Yermia Nugroho Agung Wibowo. (2024). Penggunaan bahasa singkatan dalam komunikasi generasi Z di platform X: Tinjauan linguistik bahasa gaul. *Jurnal Komunikasi Digital*, 15(2), 55-78.
- Salleh, M. A. M., & Salman, A. (2019). Mudah guna dan manfaat aplikasi WhatsApp terhadap hubungan antara. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 135-154.
- Salleh, M. A. M., & Salman, A. (2019). Mudah guna dan manfaat aplikasi WhatsApp terhadap hubungan antara. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 135-154.
- Tagliamonte, S. A. (2016). So sick or so cool? The language of youth on the internet. *Language in Society*, 45(1), 1-32.
- Thurlow, C., & Poff, M. (2011). Text messaging. In S. C. Herring, D. Stein, & T. Virtanen (Eds.), *Handbook of the pragmatics of CMC*. Berlin: Mouton de Gruyter.

Biodata Penulis

M. S. Nik Puteri Fatin Nor'ain adalah lulusan ijazah sarjana muda Pengajian Bahasa Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof. Madya Maslida Yusof merupakan pensyarah berjawatan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.